

130 atlet UMSKAL sertai Sukan Staf UMS ke-13

NST 10/01/2013 22

LABUAN: Seramai 130 atlet Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menyertai 20 acara di Kejohanan Sukan Staf UMS ke-13 yang akan bermula pada 11 Januari ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata atlet berkenaan terdiri daripada orang kenamaan, pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Katanya, mereka akan

menyertai acara kemuncak pada Jumaat ini selepas Majlis Pelancaran Sukan Staf UMS 2013 di Laman Canselor oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata atlet UMS-KAL juga akan beraksi dalam acara tenis, bola tampar wanita, tenpin boling, bola tampar pantai wanita, bola sepak 7 sebelah yang akan diadakan pada 19 Januari serta

golf pada 20 Januari 2013.

Dr Ismail yang juga Ketua Kontinjen UMSKAL berkata pasukan itu juga akan bersaing dalam acara sepak takraw, bola tampar lelaki dan olahraga pada 25 Januari.

Manakala acara pada 26 Januari ialah badminton, ping pong, futsal, bola jaring, dart dan pool.

Turut diadakan acara bola keranjang, tariktali, carom, catur, bola tampar pantai lela-

ki dan kayak pada 27 Januari.

"UMS-KAL akan menyertai Sukan Staff untuk menguatkan lagi hubungan silaturahim dengan rakan-rakan di Kampus Induk dan Sandakan, katanya ketika memperkenalkan mesyuarat bersama pengurus-pengurus pasukan di Bilik Seminar, UMS-KAL, kelmarin. — **OLEH JAINUDIN DJIMIN** — jainudin@news-abahetimes.com.my